<u>**IMPLIKASI KEPADA SKRIN YANG TERLIBAT SETELAH BERLAKU PINDAAN KEPADA SKIM PENGURUSAN TERTINGGI**</u>

**Modul: Data Perjawatan dan Profil Perkhidmatan**

**Pendahuluan:**

Seperti yang telah sedia maklum, elemen KPI Data Perjawatan akan dinilai berdasarkan bilangan perjawatan mengikut Skim dan Gred Jawatan bermula Tahun 2018. Pada tahun ini, beberapa agensi telah dipilih sebagai perintis ke arah pelaksanaan ini.

Sehubungan itu, bermula Jun 2017 Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Maklumat Strategik (BPMS), JPA telah mula membuat proses pengemaskinian dan pemurnian Skim Perkhidmatan, Klasifikasi Perkhidmatan dan Kumpulan Perkhidmatan di dalam HRMIS dari semasa ke semasa. Salah satu skim yang dipinda bagi menepati kriteria penilaian elemen dalam Data Perjawatan adalah jawatan pengurusan tertinggi.

Oleh yang demikian, berikut adalah implikasi kepada skrin-skrin dalam Modul Data Perjawatan dan Profil Perkhidmatan bagi jawatan Pengurusan Tertinggi (PGT) untuk makluman dan perhatian agensi.

---

**Keterangan:**

(1) Skrin: Carian Skim Perkhidmatan




Skrin di atas adalah skrin untuk Carian Skim Perkhidmatan Kumpulan Pengurusan Tertinggi. *Tiada Rekod Ditemui* kerana <u>**semua skim di bawah kumpulan pengurusan tertinggi telah dimansuhkan.**</u>

(2) Skrin: Carian Skim Perkhidmatan (Terkini)




Carian untuk skim jawatan pengurusan tertinggi **<u>perlu menggunakan skim dalam kumpulan Pengurusan & Profesional</u>**.

(3) Skrin: Carian Jawatan Standard




Skrin di atas merujuk kepada jawatan standard untuk jawatan Pengurusan Tertinggi yang telah dibuat kemaskini dalam HRMIS. Bagi mewujudkan jawatan pengurusan tertinggi, **<u>agensi perlu membuat pemilihan jawatan standard dalam kumpulan Pengurusan & Profesional (PP)</u>**.

Bagi jadual rujukan jawatan yang telah dikemaskini, **<u>pihak agensi akan melihat jawatan standard tersebut telah dipinda kepada Gred Maksimum VU2</u>**, iaitu gred maksimum untuk Pengurusan Tertinggi.

(4) Skrin: Selenggara Jawatan Sebenar




Skrin di atas merujuk kepada jawatan sebenar CO yang memegang jawatan Pengurusan Tertinggi.

Peranan agensi: Membuat **<u>semakan kepada Jawatan Standard dan Gred Minima dan Gred Maksimum</u>** (seperti rajah di atas). Tiada sebarang kemaskini perlu dibuat.

(5) Skrin: Profil Perkhidmatan (Item 2. Skim Perkhidmatan Pemilik Kompetensi)




Pindaan skim jawatan pengurusan tertinggi ini juga memberi implikasi kepada skrin Profil Perkhidmatan bagi CO jawatan Pengurusan Tertinggi. Secara *default,* nama Skim Perkhidmatan 'Pengurusan Tertinggi' akan diset kepada skim dalam 'Pengurusan dan Profesional' dengan tarikh luput 31/12/9999. Item ini juga akan dikemaskini oleh pihak JPA dari semasa ke semasa.

Sekiranya pihak agensi ingin membuat pindaan segera, boleh menghubungi BPMS, JPA untuk penerangan dan maklumat lanjut.

Sekian.

---------------------------------------------------